

27 AUG 1998

KDNK NEGATIF-SUKU KEDUA/I

EKONOMI MALAYSIA MEROSOT 6.8 PERATUS DALAM SUKU KEDUA

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia merosot sebanyak 6.8 peratus dalam suku kedua tahun ini daripada negatif 2.8 peratus yang dikaji semula pada suku pertama, kata Bank Negara (BNM) hari ini.

Ketika mengumumkan perangkaan terperinci mengenai prestasi ekonomi Malaysia, bank pusat itu berkata terdapat kemerosotan ketara sebanyak 22 peratus dalam pertumbuhan sektor pembinaan, 9.6 peratus dalam sektor pertanian dan 9.2 peratus dalam sektor pembuatan bagi tempoh kajian, dan semua ini mendorong kepada penguncupan ekonomi selanjutnya.

Dalam sesi pemimpin bersama rakyat di Kuching, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa KDNK suku kedua negara merosot kira-kira 7.0 peratus.

Bank Negara berkata KDNK suku pertama pada mulanya dianggarkan sebanyak negatif 1.8 peratus tetapi telah disemak kepada negatif 2.8 peratus kerana kesan perkembangan kewangan serantau ke atas ekonomi adalah lebih besar daripada yang dijangkakan sebelumnya.

Menurut bank pusat itu, inflasi terus meningkat dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) naik pada kadar yang lebih cepat iaitu sebanyak 5.7 peratus daripada 4.3 peratus sebagaimana kesan pindahan daripada nilai ringgit yang lebih lemah terhadap harga import terus memberi kesan kepada harga dalam negeri.

Rizab bersih yang dimiliki Bank Negara meningkat sebanyak RM913 juta kepada RM58.2 bilion pada akhir Jun. Jumlah ini mencukupi untuk membiayai 3.6 bulan import tertangguh. Jumlah bersamaan dolar A.S. pada akhir tempoh dalam kajian ialah AS\$20.5 bilion.

Setakat 15 Ogos, 1998, rizab antarabangsa bersih berjumlah RM57.8 bilion atau AS\$20.2 bilion.

Bekalan wang atau M3 merosot selanjutnya kepada 5.9 peratus pada bulan Julai tahun ini atau RM2 bilion berbanding kemerosotan 7.3 peratus atau RM182 juta pada bulan Jun, mencerminkan penguncupan dalam kegiatan ekonomi keseluruhannya.

Bank Negara juga menyatakan kadar campurtangan tiga bulannya akan diturunkan kepada 9.5 peratus daripada 10 peratus berkuatkuasa serta merta manakala Keperluan Rizab Berkanun (SRR) bank-bank komersil, syarikat kewangan dan bank saudagar akan dikurangkan selanjutnya kepada 6.0 peratus berkuatkuasa mulai 1 Sept, 1999 daripada 8.0 peratus pada masa ini.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyokong ekonomi, penurunan kadar campurtangan dan SRR akan menambah mudah-tunai dalam sistem perbankan, memberi kemudahan kepada peminjam untuk mendapatkan lebih banyak pinjaman pada kadar yang lebih rendah.

Bank Negara menjelaskan Kadar Berian Pinjaman Asas (BLR) bank komersil dan syarikat kewangan dijangka menyederhana masing-masing kepada 10.34 peratus dan 12.36 peratus.

Ini, disertai kajian semula rumusan pengiraan BLR, akan membolehkan kadar pemberian pinjaman diturunkan hampir serta merta berikutan penurunan kadar campurtangan dan SRR.

Nisbah bersih pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan meningkat kepada 8.9 peratus pada akhir Jun dari 7.0 peratus pada akhir Mac manakala nisbah modal berwajaran risiko naik kepada 11.2 peratus pada akhir Jun dari 11.1 peratus.

Kata Bank Negara, memandangkan prestasi dalam dua suku tahun pertama

adalah lebih rendah daripada yang dijangkakan, anggaran rasmi terbaru penguncupan 1.0 hingga 2.0 peratus KDNK bagi tahun 1998 pada keseluruhannya perlu disemak semula.

Bagaimanapun, jika tiada perkembangan buruk di rantau ini dan di negara-negara perindustrian, penguncupan pengeluaran negara dijangka menyederhana dalam tahun ini, tambahnya.

Hutang luar negara dalam nilai ringgit meningkat sebanyak RM15.4 bilion kepada RM170.2 bilion terutama disebabkan oleh kerugian yang timbul berikutan penurunan nilai ringgit.

Kedudukan fiskal kerajaan persekutuan kurang memuaskan akibat kemerosotan lebihan akaun semasa kepada RM2 bilion manakala lebihan akaun keseluruhan berubah kepada defisit kecil berjumlah RM383 juta disebabkan oleh kemerosotan 12.3 peratus dalam kutipan hasil dan pengembangan operasi perbelanjaan.

Jumlah hutang kerajaan meningkat 3.6 peratus daripada tahap pada akhir Mac kepada RM91 bilion pada akhir Jun, 1998. Hutang dalam negeri meningkat sedikit iaitu 0.8 peratus kepada RM77.3 bilion berikutan terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia.

Hutang luar negeri pula meningkat sebanyak RM2.6 bilion kepada RM13.7 bilion pada akhir Jun, mencerminkan kedua-dua aliran masuk bersih pinjaman luar negeri dan kerugian bersih penilaian semula pertukaran matawang berikutan penurunan nilai ringgit. --BERNAMA

MR KY OS